

Artikel

Pengurusan Kewangan Generasi Milenial: Perbandingan Gender
(*Financial Management of the Millennial Generation: A Gender Comparison*)

Zaimah Ramli*, Sarmila Md Sum & Abd Hair Awang

Program Sains Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: zaimahr@ukm.edu.my

Diserah: 27 September 2024

Diterima: 8 Januari 2025

Abstrak: Pengurusan kewangan penting kepada setiap individu, termasuk generasi milenial. Memiliki pengetahuan dan mengamalkan pengurusan kewangan yang baik akan membantu generasi milenial mengurus kewangan peribadi mereka. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap pengurusan kewangan generasi milenial dan membuat perbandingan gender antara pengurusan kewangan generasi milenial lelaki dan wanita. Reka bentuk kajian adalah kuantitatif dan soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Teknik persampelan bertujuan diaplikasikan dalam pengutipan data. Sampel kajian adalah generasi milenial di Kampung Baru, Kuala Lumpur. Seramai 316 orang generasi milenial menjadi responden kajian. Analisis deskriptif dan ujian-t digunakan bagi menjawab objektif kajian. Secara keseluruhan, tahap pengurusan kewangan generasi milenial berada di tahap yang tinggi. Namun jika ianya diperhalusi mengikut pecahan elemen, hanya elemen pengurusan tunai sahaja mencatatkan tahap yang tinggi. Sebaliknya elemen pengurusan simpanan, kredit, insurans, pelaburan dan harta berada pada tahap sederhana. Hasil ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gender dalam keenam-enam aspek pengurusan kewangan generasi milenial. Penemuan ini perlukan perhatian dan tindakan daripada pihak yang berautoriti, termasuk generasi milenial itu sendiri. Semua ini penting untuk meningkatkan tahap kemahiran mengurus kewangan dalam kalangan generasi milenial demi memastikan mereka mencapai kesejahteraan kewangan dalam kehidupan.

Kata kunci: Tunai; simpanan; kredit; insurans; generasi milenial

Abstract: Financial management is important to every individual, including the millennial generation. Understanding and practicing effective financial management will help the millennial generation manage their personal finances. Therefore, the objective of this study is to determine the level of financial management among the millennial generation and to compare the financial management practices of men and women. The study uses a quantitative research design. The study applies the purposeful sampling technique to data collection. The millennial generation in Kampung Baru, Kuala Lumpur, is the study sample. A total of 316 people from the millennial generation responded to the study. The study used descriptive analysis and a t-test to answer the research objectives. Overall, the millennial generation's level of financial management is high. However, a breakdown of elements reveals that only the cash management element reaches a high level. On the other hand, the elements of savings, credit, insurance, investment, and property management are at a moderate level. The results of the t-test show that there is no significant difference between genders in the six aspects of financial management for the millennial generation. This discovery needs attention and action from the authorities, including the millennial generation itself. It is crucial to enhance the financial management skills of the millennial generation to guarantee their financial well-being in life.

Keywords: Cash; saving; credit; insurance; millennial generation

Pendahuluan

Pengurusan kewangan generasi milenial adalah satu perkara penting kerana generasi ini sering dihadapkan dengan cabaran kewangan yang unik dan pelbagai. Malahan terdapat perbezaan gender dalam pengurusan kewangan antara generasi, termasuk generasi milenial (Potrich et al., 2024). Membincangkan isu berkaitan pengurusan kewangan dalam kalangan generasi milenial di Malaysia sememangnya relevan kerana generasi ini berhadapan dengan pelbagai cabaran, seperti kos sara hidup yang semakin meningkat, peningkatan hutang pendidikan, dan perubahan gaya hidup (Awien Azuyien & Suraiya, 2023). Pengurusan kewangan yang tidak cekap telah dikenal pasti sebagai faktor utama yang menyumbang kepada pengumpulan hutang yang berlebihan dalam kalangan peserta Program Pengurusan Kredit (PPK) (AKPK, 2018). Sebagai respons terhadap isu ini, Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan khidmat nasihat dan rundingan kewangan melalui AKPK. Inisiatif ini bertujuan memperkukuhkan amalan pengurusan kewangan yang lebih bijaksana. Selain itu, AKPK turut menawarkan kursus-kursus berkaitan pengurusan kewangan peribadi, termasuk aspek tingkah laku kewangan dan corak perbelanjaan yang sihat, sebagai usaha meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pengurusan kewangan yang baik (Aydin Nur et al., 2018).

Menurut Aydin dan Akben (2019), pengurusan kewangan yang berkesan berkait rapat dengan sikap dan tingkah laku kewangan yang positif, kerana ia membantu individu mengamalkan perbelanjaan yang lebih berhemah. Kefahaman kewangan yang kukuh turut membolehkan individu mengawal diri dengan lebih baik dalam menguruskan aspek kewangan, terutamanya ketika membuat keputusan berkaitan simpanan, pengurusan kredit, dan perbelanjaan harian. Sebaliknya, konflik kewangan sering terjadi apabila terdapat kekeliruan dalam membezakan antara keperluan dan kehendak, disebabkan oleh kurangnya pengetahuan mengenai pengurusan kewangan (Masarah et al., 2020). Pengurusan kewangan yang lemah boleh membawa kepada tekanan kewangan (Awien Azuyien & Suraiya, 2023), masalah hutang, serta kesukaran mencapai matlamat kewangan (Zaimah et al., 2020).

Sebahagian besar rakyat Malaysia didapati cenderung berbelanja melebihi kemampuan kewangan sebenar (Nurul Aini, 2020). Fenomena ini kerap berlaku dalam kalangan generasi milenial, di mana lebih daripada 3,400 peminjam berusia antara 20 hingga 30 tahun telah mendapatkan khidmat nasihat kewangan daripada AKPK (AKPK, 2018). Selain itu, lebih daripada 75% rakyat Malaysia dilaporkan tidak mampu menyediakan wang tunai sebanyak RM1,000 untuk situasi kecemasan (AKPK, 2018). Sikap generasi milenial yang cenderung berbelanja tanpa perancangan merupakan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kelemahan dalam pengurusan kewangan. Justeru, kajian mendalam tentang pengurusan kewangan dalam kalangan generasi ini amat diperlukan bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang kepentingan pengurusan wang yang baik untuk kesejahteraan masa kini dan masa hadapan.

Sorotan Literatur

Bahagian ini memberikan sorotan literatur yang merangkumi beberapa subtopik utama, iaitu pengurusan kewangan, pengurusan tunai, pengurusan simpanan, pengurusan kredit, pengurusan insurans, pengurusan pelaburan, dan pengurusan harta. Seterusnya, subtopik pengurusan kewangan dan gender turut diperjelaskan.

1. Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan merujuk kepada proses merancang, mengawal dan mengurus sumber kewangan seseorang, keluarga atau organisasi. Pengurusan kewangan adalah aspek penting dalam kehidupan bagi membantu memastikan sumber kewangan digunakan dengan bijak dan berkesan. Pengurusan kewangan yang baik dapat mendorong individu untuk lebih berhemat dalam menguruskan tunai mereka, kerana perancangan yang tepat berfungsi sebagai panduan untuk memastikan mereka tidak boros dalam berbelanja. Hal ini disebabkan oleh perancangan dan pengurusan yang bijak dilakukan dengan mempertimbangkan keseluruhan aspek perbelanjaan berdasarkan keperluan (Mohamad Fazli et al., 2018; Noor Izyani & Khadijah, 2019). Kegagalan dalam pengurusan kewangan peribadi boleh menyebabkan perbelanjaan melebihi pendapatan,

sehingga menyukarkan individu untuk menyisihkan wang bagi tujuan simpanan (Nurul & Husniya, 2010; Delafrooz & Laily, 2011). Hampir separuh golongan muda menghadapi masalah hutang yang serius, yang merupakan situasi yang membimbangkan (Abdul Basit et al., 2014; Nur Aisyatul et al., 2015). Selain itu, perhatian yang serius juga perlu diberikan terhadap penyertaan golongan muda dalam pengambilan polisi insurans (Zaimah, 2023). Menurut Yasmin dan Anuar (2017), pelaburan adalah aktiviti penggunaan modal dengan harapan menghasilkan keuntungan di masa hadapan. Untuk memastikan harta dapat digunakan secara berkesan dalam kehidupan seharian dan pelbagai keperluan, pengurusan harta menjadi konsep penting yang harus diamalkan, kerana ia memberikan hak pemilikan kepada individu (Rusnadewi & Hisyam, 2013; Mohamad Fazli & Teo, 2014). Dalam kajian ini, pengurusan kewangan merangkumi enam elemen utama: pengurusan tunai, pengurusan simpanan, pengurusan kredit, pengurusan insurans, pengurusan pelaburan, dan pengurusan harta pusaka.

2. Pengurusan Tunai

Pengurusan tunai yang baik membantu mengelakkan pembaziran, memastikan kita sentiasa mempunyai wang tunai untuk keperluan harian dan menjaga kestabilan kewangan. Pengurusan tunai adalah langkah penting dalam pengurusan kewangan secara keseluruhan. Perbelanjaan yang terurus dapat membantu mengurangkan tekanan dalam kehidupan dan meningkatkan kesejahteraan (Azwadi Ali et al., 2013). Perancangan kewangan yang efektif mendorong individu untuk lebih berhati-hati dalam pengurusan aliran tunai, kerana perancangan yang baik berfungsi sebagai panduan untuk mengelakkan pembaziran. Ini kerana pengurusan dan perancangan yang berkesan dibuat dengan mempertimbangkan semua aspek perbelanjaan berdasarkan keperluan (Noor Izyani & Khadijah, 2019). Kemahiran individu dalam mengurus sumber kewangan membantu mereka untuk berada dalam keadaan yang stabil dan terhindar daripada krisis kewangan, walaupun pendapatan mereka berada dalam kategori B40. Mereka yang disiplin dalam mengurus aliran tunai dan memprioritaskan perkara yang penting ketika berbelanja, selaras dengan pandangan Mohamad Fazli et al. (2018), bahawa individu yang mengurus kewangan dengan baik cenderung memiliki taraf hidup yang lebih baik.

3. Pengurusan Simpanan

Pengurusan simpanan merujuk kepada cara seseorang atau organisasi merancang, mengurus, dan menyelenggara simpanan kewangan. Ini adalah aspek penting dalam pengurusan kewangan untuk memastikan kestabilan kewangan dan mencapai matlamat kewangan jangka pendek dan jangka panjang. Kegagalan dalam mengurus kewangan peribadi boleh mengakibatkan perbelanjaan melebihi pendapatan, menjadikan sukar bagi individu untuk menyisihkan sejumlah wang untuk simpanan. Hal ini disokong oleh Delafrooz dan Laily (2011), yang mendapati bahawa individu yang berbelanja tanpa mempertimbangkan keperluan masa depan berisiko mengalami tekanan dalam pengurusan kewangan, sehingga mereka sukar untuk menyimpan. Tambahan pula, individu yang kurang kemahiran dalam pengurusan kewangan berhadapan dengan risiko tidak dapat menyediakan pendapatan untuk simpanan. Penggunaan simpanan sebagai cara untuk menampung perbelanjaan harian menunjukkan bahawa individu tersebut mengalami masalah kewangan yang perlu diatasi, yang disebabkan oleh pengurusan kewangan yang tidak tepat (Nurul & Husniya, 2010). Pengurusan simpanan yang efektif membantu mencapai matlamat kewangan, meningkatkan kestabilan kewangan, dan memberikan ketenangan fikiran dalam menghadapi situasi kecemasan atau ketidakpastian kewangan.

4. Pengurusan Kredit

Pengurusan kredit merujuk kepada cara seseorang atau organisasi menguruskan dan mengendalikan hutang dan rekod kredit mereka. Ia adalah aspek penting dalam pengurusan kewangan yang boleh memberikan kesan besar pada kewangan seseorang. Kajian oleh Abdul Basit et al. (2014) mendapati hampir 47 peratus golongan muda menghadapi masalah hutang yang serius, satu keadaan yang amat membimbangkan. Dapatan ini turut disokong oleh kajian Nur Aisyatul et al. (2015), yang menunjukkan bahawa hutang sering menjadi pilihan utama, terutamanya untuk pembelian kenderaan. Penawaran pembelian kereta tanpa bayaran deposit menjadi tarikan utama, namun rendahnya tahap literasi kewangan menyebabkan individu sukar mengurus kewangan dengan berkesan serta kurang memahami risiko yang berkaitan dengan pembelian kenderaan tanpa deposit.

Tambahan pula, kadar hutang yang tinggi mendedahkan individu kepada risiko yang lebih besar akibat ketidaktentuan ekonomi (Haryani et al., 2015). Dalam era moden, persepsi bahawa hanya golongan miskin terlibat dengan masalah hutang semakin tidak relevan, kerana golongan kaya dan sederhana juga turut terbeban dengan hutang yang tinggi. Fenomena ini menunjukkan bahawa amalan berhutang telah menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat hari ini (Nik Mohd Zaim et al., 2012). Pengurusan kredit yang baik adalah penting untuk memastikan pengurusan hutang yang efektif, menjaga rekod kredit yang baik, dan mengurangkan risiko kewangan, menjadikannya komponen utama dalam pengurusan kewangan secara keseluruhan.

5. Pengurusan Insurans

Pengurusan insurans merujuk kepada cara seseorang atau organisasi merancang, mengurus, dan memantau dasar-dasar insurans yang mereka miliki. Insurans adalah alat kewangan yang memberikan perlindungan terhadap risiko kewangan yang tidak diingini, seperti penyakit, kecederaan, kehilangan harta benda, atau kejadian lain yang boleh memerlukan pembayaran. Dalam kajian yang dijalankan oleh Abdul Basit et al. (2014), hampir 47 peratus golongan muda dilaporkan menghadapi isu hutang yang serius, yang merupakan suatu keadaan yang membimbangkan. Kajian ini turut disokong oleh Nur Aisyatul et al. (2015), yang mendapati bahawa hutang sering dijadikan pilihan utama, khususnya untuk membeli kenderaan. Tawaran untuk membeli kereta tanpa memerlukan deposit menarik perhatian ramai, tetapi rendahnya tahap literasi kewangan menyukarkan mereka dalam mengurus kewangan dengan baik serta memahami risiko yang terlibat dalam pembelian kereta tanpa deposit. Kadar hutang yang tinggi ini juga meningkatkan pendedahan mereka kepada risiko daripada perubahan dalam ekonomi (Haryani et al., 2015). Dalam era moden ini, anggapan bahawa golongan miskin lebih sering terjebak dalam masalah hutang menjadi semakin tidak relevan, kerana golongan kaya dan sederhana juga mengalami beban hutang yang meningkat. Hal ini menunjukkan bahawa amalan berhutang telah menjadi budaya dalam masyarakat sekarang (Nik Mohd Zaim et al., 2012). Oleh itu, pengurusan kredit yang baik adalah penting untuk memastikan pengelolaan hutang yang berkesan, mengekalkan rekod kredit yang baik, dan mengurangkan risiko kewangan, menjadikannya elemen utama dalam pengurusan kewangan secara keseluruhan.

6. Pengurusan Pelaburan

Pengurusan pelaburan merujuk kepada proses perancangan, pelaksanaan, dan pemantauan pelaburan dana untuk mencapai matlamat kewangan tertentu. Ia melibatkan pengumpulan dan analisis maklumat, pemilihan instrumen pelaburan yang sesuai, serta pengawasan prestasi pelaburan. Jenis-jenis pelaburan boleh dikategorikan kepada enam kumpulan utama, iaitu sekuriti kerajaan luar negeri, sekuriti kerajaan Malaysia, saham, deposit luar negeri, deposit dalam negeri, dan pelaburan lain (Akauntan Pelaburan Malaysia, 2013). Menurut Yasmin dan Anuar (2017), pelaburan merujuk kepada aktiviti yang melibatkan penggunaan modal yang dikorbankan untuk menjana keuntungan pada masa hadapan, seperti keuntungan modal. Ia juga dianggap sebagai kos lepas penggunaan modal semasa untuk mendapatkan manfaat jangka panjang. Proses pelaburan melibatkan pertukaran wang kepada aset dengan matlamat membantu pelabur memperoleh pulangan atau keuntungan yang lebih tinggi. Namun, pulangan pelaburan tidak tetap dan tidak dijamin. Kajian oleh Lim et al. (2013) mendapati bahawa elemen amalan perbelanjaan dalam pendapatan boleh dipengaruhi oleh tahap pengetahuan kewangan. Kajian tersebut menunjukkan individu yang memiliki pengetahuan tentang kewangan dan persaraan lebih bersedia menghadapi masa depan dengan memiliki dan menyediakan pelbagai pelan kewangan, termasuk hartanah, tabungan, dan pelaburan. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk diingat bahawa pelaburan melibatkan risiko, dan prestasinya boleh berubah-ubah bergantung kepada keadaan pasaran serta faktor lain.

7. Pengurusan Harta

Pengurusan harta merujuk kepada proses merancang, mengurus, dan mengoptimumkan penggunaan aset dan harta benda kewangan seseorang atau keluarga. Tujuannya adalah untuk mencapai matlamat kewangan, merancang persaraan, menguruskan warisan, dan memastikan kebajikan kewangan jangka panjang.

Pengurusan harta adalah konsep penting untuk memastikan harta dapat dimanfaatkan secara optimum bagi pelbagai tujuan kehidupan. Ia memberikan hak pemilikan kepada individu atau kelompok tertentu dan, apabila dilakukan secara sistematik, dapat mencegah kesulitan ekonomi yang berpotensi mencetuskan kegawatan dalam masyarakat sesebuah negara (Rusnadewi & Hisyam, 2013). Pemilikan harta atau aset sering digunakan sebagai indikator untuk menilai status kewangan individu berdasarkan pola perbelanjaan pendapatan, seperti yang dibuktikan dalam kajian-kajian terdahulu. Menurut Mohamad Fazli dan Teo (2014), 39 peratus responden kajian mereka memiliki jumlah aset yang melebihi hutang, mencerminkan tahap pengurusan kewangan yang positif. Sementara itu, kajian Chowa et al. (2007) mengembangkan konsep pemilikan aset dengan menegaskan bahawa ia tidak lagi terhad kepada aspek fizikal sahaja. Sebaliknya, hasil perbelanjaan masa hadapan yang berpotensi menjana manfaat juga boleh dianggap sebagai aset atau harta. Hal ini menunjukkan bahawa pemahaman moden tentang pengurusan harta melibatkan perspektif yang lebih luas, merangkumi aspek fizikal dan potensi masa depan. Pengurusan harta yang baik adalah kunci kepada kejayaan kewangan jangka panjang dan mencapai matlamat kewangan. Ia memerlukan kesedaran, perancangan, dan penjagaan yang teliti untuk memaksimumkan harta benda dan mencapai kestabilan kewangan.

8. Pengurusan Kewangan dan Gender

Pengurusan kewangan adalah penting untuk semua individu, tanpa mengira jantina atau gender. Namun, terdapat beberapa isu dan pertimbangan yang boleh berbeza antara lelaki dan wanita dalam pengurusan kewangan mereka. Lelaki dan wanita mempunyai perbezaan dalam mengurus kewangan dan keputusan pembelian (Lazuardi & Puspitawati, 2022). Potrich et al. (2024), turut mendapati terdapat perbezaan pengurusan kewangan antara lelaki dan wanita. Lelaki dan wanita sering menghadapi perbezaan dalam pendapatan mereka. Wanita mungkin mendapat gaji yang lebih rendah berbanding lelaki dalam pekerjaan yang sama (Saadiyah, 2023). Namun wanita sering memainkan peranan penting dalam pengurusan kewangan keluarga, termasuk perancangan bajet dan pelaburan (Zaimah, 2023). Wanita mungkin perlu lebih berhati-hati dalam perancangan persaraan kerana mereka cenderung untuk hidup lebih lama daripada lelaki (Berita Harian, 2022).

Wanita mungkin memerlukan lebih banyak perancangan kewangan untuk menguruskan kos penjagaan kesihatan mereka, termasuk kos kesihatan yang berkaitan dengan kehamilan dan keluarga. Menurut Wagner dan Walstad (2023), lelaki dan wanita sememangnya mempunyai perbezaan tingkah laku dalam mengurus kewangan mereka. Selain itu, wanita dan lelaki juga mempunyai perbezaan dalam literasi kewangan (Tinghög et al. 2021; Blaschke, 2022). Lelaki dan wanita perlu mendapatkan pendidikan kewangan untuk memahami asas-asas pengurusan kewangan, termasuk pembuatan bajet, menguruskan hutang, dan pelaburan (Zaimah, 2023). Wanita dan lelaki perlu memahami jenis-jenis pelaburan yang sesuai untuk mereka dan melibatkan diri dalam pembelajaran mengenai pasaran kewangan (Eza, 2020). Penting untuk diingat bahawa setiap individu mempunyai keadaan kewangan dan kehidupan yang berbeza. Oleh itu, pengurusan kewangan harus disesuaikan dengan keperluan dan matlamat individu, tanpa mengira jantina atau gender. Prinsip kesetaraan gender adalah penting dalam pengurusan kewangan. Wanita dan lelaki harus diberi peluang yang sama untuk bekerja, pelaburan, dan akses kepada perkhidmatan kewangan.

Metodologi

Kajian dilakukan di Kampung Baru yang terletak ditengah-tengah bandaraya Kuala Lumpur. Kedudukan lokasinya dalam bandar metropolitan ini membuatkan kajian mengenai pengurusan kewangan generasi milenial lebih menarik untuk dilakukan. Namun begitu, hasil kajian tidak boleh digunakan sebagai generalisasi kepada generasi milenial lainnya. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan sasaran populasi adalah generasi milenial di Kampung Baru. Kaedah banci digunakan bagi mengutip data dengan bantuan ketua kampung. Kutipan data dilaksanakan secara atas talian melalui *WhatsApp* menggunakan 'google form' kerana kajian dilaksanakan dalam tempoh pandemik Covid-19. Berdasarkan maklumat ketua kampung, terdapat 1200 orang penduduk dalam kategori generasi milenial. Hasilnya seramai 316 orang responden terlibat dalam kajian ini.

Instrumen pengutipan data adalah borang soal selidik. Soal selidik dibangunkan daripada adaptasi kajian-kajian terdahulu (Zaimah, 2011; Nurulhuda, 2020). Hasilnya pengurusan kewangan dipecahkan kepada enam elemen, iaitu pengurusan tunai, pengurusan simpanan, pengurusan kredit, pengurusan insurans, pengurusan pelaburan dan pengurusan harta. Keenam-enam elemen pengurusan kewangan tersebut diukur menggunakan skala Likert, iaitu: 1=sangat tidak setuju; 2=tidak setuju; 3=kurang setuju; 4=setuju; dan 5=sangat setuju.

Kajian rintis turut dilaksanakan bagi menguji kebolehpercayaan item-item yang dikemukakan dalam borang soal selidik. Nilai Cronbatch Alpha bagi setiap elemen pengurusan kewangan masing-masing mencatatkan; pengurusan tunai (0.737), pengurusan simpanan (0.772), pengurusan kredit (0.809), pengurusan insurans (0.845), pengurusan pelaburan (0.901) dan pengurusan harta (0.874). Analisis diskriptif menggunakan kekerapan, peratus, purata dan sisihan piawai digunakan bagi menjelaskan keseluruhan hasil kajian. Tahap pengurusan kewangan dikenalpasti menggunakan skor purata, iaitu: skor 0.00-2.99 (rendah), skor 3.00-3.99 (sederhana) dan 4.00-5.00 (tinggi). Manakala analisis ujian-t digunakan bagi melihat perbandingan tahap pengurusan kewangan antara gender.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Jadual 1 menunjukkan latar belakang responden. Responden terdiri daripada 118 lelaki dan 198 perempuan. Majoriti responden lelaki berusia 22 hingga 29 tahun (53.4%). Kebanyakan responden perempuan juga berumur 22 hingga 29 tahun (42.4%). Majoriti responden lelaki dan perempuan adalah berkahwin (50.0%; 51.0%). Bilangan isirumah responden lelaki dan perempuan paling ramai pada bilangan empat hingga enam orang (60.2%; 50.0%). Rata-rata responden lelaki mempunyai tahap pendidikan Diploma (39.8%) dan ijazah (39.0%). Responden perempuan juga rata-rata mempunyai tahap pendidikan Diploma (42.9%) dan ijazah (32.8%). Kebanyakan responden lelaki dan perempuan terlibat dalam sektor pekerjaan swasta (57.6%; 43.4%). Anggaran pendapatan bulanan menunjukkan rata-rata responden lelaki mempunyai pendapatan RM1,201 hinggan RM2,200 (33.1%) dan RM2,201 hingga RM3,200 (35.6%). Seterusnya rata-rata anggaran pendapatan bulanan responden perempuan juga mempunyai pendapatan RM1,201 hinggan RM2,200 (30.3%) dan RM2,201 hingga RM3,200 (33.8%).

Jadual 1. Latar belakang responden

Profil Responden	Lelaki (n=118)		Perempuan (n=198)	
	Kekerapan	%	Kekerapan	%
Umur (tahun):				
22-29	63	53.4	84	42.4
30-39	39	33.0	80	40.4
40-44	16	13.6	34	17.2
Status perkahwinan:				
Bujang	55	46.6	88	44.5
Berkahwin	59	50.0	101	51.0
Berceraai	2	1.7	4	2.0
Ibu/Bapa tunggal	2	1.7	5	2.5
Bil. Isirumah:				
≤ 3 orang	36	30.5	68	34.3
4-6 orang	71	60.2	99	50.0
≥ 7 orang	11	9.3	31	16.7
Tahap pendidikan:				
SPM	14	11.9	24	12.1
STPM	10	8.5	20	10.1
Diploma	47	39.8	85	42.9
Ijazah	46	39.0	65	32.8
Ijazah lanjutan	1	0.8	4	2.1
Sektor pekerjaan:				
Kerajaan	19	16.1	44	22.2
Swasta	68	57.6	86	43.4
Persendirian	31	26.3	53	26.8
Tidak bekerja	0	0	15	7.6

Anggaran pendapatan:				
≤ RM1200	5	4.2	34	17.2
RM1,201 - RM2,200	39	33.1	60	30.3
RM2,201 - RM3,200	42	35.6	67	33.8
RM3,201 - RM4,200	21	17.8	21	10.6
> RM4,200	11	9.3	16	8.1

1. Pengurusan Tunai

Jadual 2 menunjukkan tahap pengurusan tunai responden. Responden perempuan mencatatkan skor purata lebih tinggi (3.965) berbanding responden lelaki (3.890) pada pernyataan “*Saya merekod dan menyimpan segala transaksi tunai*”. Bagi pernyataan “*Saya menyediakan bajet tunai bulanan*” pula, responden lelaki dan perempuan mencatatkan skor purata hampir sama (4.008; 4.015). Pernyataan “*Saya memastikan baki tunai mengikut sasaran*” mencatatkan skor purata responden perempuan (4.005) lebih tinggi berbanding responden lelaki (3.932). Bagi pernyataan “*Saya memastikan tidak berlakunya kekurangan tunai*” pula, responden lelaki dan perempuan mencatatkan skor purata hampir sama (4.076; 4.096). Seterusnya pernyataan “*Saya memastikan adanya lebihan tunai*” juga mencatatkan skor purata responden lelaki dan perempuan yang hampir sama (4.076; 4.096). Hasil ujian-t adalah tidak signifikan [$t(314) = -0.423, p > 0.05$] menunjukkan pengurusan tunai responden lelaki ($M=4.019, SP=0.603$) adalah tidak berbeza dengan responden perempuan ($M=4.048, SP=0.558$). Mohamad Fazli et al. (2018) yang mendapati individu yang mengamalkan disiplin yang tinggi dalam menguruskan aliran tunai mempunyai hubungan yang positif dengan peningkatan taraf hidup mereka. Hal ini menyokong bahawa faktor gender tidak mempengaruhi pengurusan tunai generasi milenial. Sebaliknya disiplin diri yang tinggi dalam mengurus kewangan lebih berupaya meningkatkan taraf hidup seseorang.

Jadual 2. Pengurusan tunai

Pernyataan	Gender	Purata	Sisihan Piawai
Saya merekod dan menyimpan segala transaksi tunai.	Lelaki	3.890	.8847
	Perempuan	3.965	.8513
Saya menyediakan bajet tunai bulanan.	Lelaki	4.008	.7453
	Perempuan	4.015	.7836
Saya memastikan baki tunai mengikut sasaran.	Lelaki	3.932	.7480
	Perempuan	4.005	.7160
Saya memastikan tidak berlakunya kekurangan tunai.	Lelaki	4.186	.6125
	Perempuan	4.157	.6135
Saya memastikan adanya lebihan tunai.	Lelaki	4.076	.6014
	Perempuan	4.096	.6419

2. Pengurusan Simpanan

Jadual 3 menunjukkan tahap pengurusan simpanan responden. Responden lelaki mencatatkan skor purata lebih tinggi berbanding responden perempuan pada dua pernyataan, iaitu “*Saya mempunyai akaun simpanan*” (4.314; 4.242) dan “*Saya berbelanja tidak melebihi pendapatan*” (4.144; 4.091). Hal ini menunjukkan responden mempunyai kesedaran terhadap kepentingan mempunyai akaun simpanan dan berbelanja tidak boleh melebihi pendapatan mereka. Namun begitu, responden lelaki dan perempuan mencatatkan skor purata yang hampir sama, iaitu “*Saya membuat simpanan 10% daripada pendapatan*” (3.644; 3.616). Bagi pernyataan “*Saya membuat simpanan kecemasan*” dan “*Saya mempunyai simpanan untuk persaraan*” didapati responden lelaki mencatatkan skor purata lebih tinggi berbanding responden perempuan (3.610; 3.439). Seterusnya bagi pernyataan “*Saya mempunyai simpanan untuk persaraan*” juga didapati responden lelaki mencatatkan skor purata lebih tinggi berbanding responden perempuan (3.610; 3.540). Hasil ujian-t adalah tidak signifikan [$t(314) = 1.070, p > 0.05$] menunjukkan pengurusan simpanan responden lelaki ($M=3864, SP=0.636$) adalah tidak berbeza dengan responden perempuan ($M=3.786, SP=0.624$). Delafrooz dan Laily (2011) mendapati mereka yang berbelanja tanpa memikirkan keperluan masa hadapan akan mengalami kesukaran untuk menyimpan wang. Apatah lagi individu jika tidak mempunyai kemahiran dalam pengurusan

keuangan (Nurul & Husniyah, 2010). Penemuan pengkaji terdahulu juga menunjukkan faktor gender tidak mempengaruhi pengurusan simpanan individu.

Jadual 3. Pengurusan simpanan

Pernyataan	Gender	Purata	Sisihan Piawai
Saya mempunyai akaun simpanan.	Lelaki	4.314	.5343
	Perempuan	4.242	.5976
Saya berbelanja tidak melebihi pendapatan.	Lelaki	4.144	.6308
	Perempuan	4.091	.6466
Saya membuat simpanan 10% daripada pendapatan.	Lelaki	3.644	.9108
	Perempuan	3.616	.8922
Saya membuat simpanan kecemasan (sekurang-nya 3 kali pendapatan).	Lelaki	3.610	.9521
	Perempuan	3.439	.9311
Saya mempunyai simpanan untuk persaraan.	Lelaki	3.610	.9155
	Perempuan	3.540	.9430

3. Pengurusan Kredit

Jadual 4 menunjukkan tahap pengurusan kredit responden. Responden lelaki dan perempuan mencatatkan skor purata yang sama pada pernyataan “*Saya menggunakan kad kredit kerana tidak mempunyai wang simpanan*” iaitu 2.729 dan 2.717. Terdapat sedikit perbezaan pada skor purata responden lelaki dan perempuan pada pernyataan “*Saya membuat perbandingan kadar faedah sebelum melakukan pinjaman*” (3.424; 3.369). Seterusnya skor purata yang sama pada pernyataan “*Saya mengutamakan pembayaran kad kredit daripada pembayaran bil-bil lain*” antara responden lelaki dan perempuan juga mencatatkan skor purata yang sama. Begitu juga dengan pernyataan “*Saya membayar penuh bil kad kredit setiap bulan*” dan “*Saya menghadkan perbelanjaan kad kredit*”, kedua-duanya mencatatkan skor purata yang sama antara responden lelaki dan perempuan. Hasil ujian-t adalah tidak signifikan [$t(314) = 0.213, p > 0.05$] menunjukkan pengurusan kredit responden lelaki ($M=3.305, SP=0.829$) adalah tidak berbeza dengan responden perempuan ($M=3.285, SP=0.800$). Menurut Nur Aisyatul et al. (2015), tawaran pembelian tanpa deposit lebih menarik ramai individu membeli kereta tanpa memahami dengan jelas berkenaan pembelian kereta tanpa deposit. Dalam kata lain, faktor gender tidak mempengaruhi pengurusan kredit generasi milenial.

Jadual 4. Pengurusan kredit

Pernyataan	Gender	Purata	Sisihan Piawai
Saya menggunakan kad kredit kerana tidak mempunyai wang simpanan.	Lelaki	2.729	1.0990
	Perempuan	2.717	1.1087
Saya membuat perbandingan kadar faedah sebelum melakukan pinjaman.	Lelaki	3.424	1.0329
	Perempuan	3.369	1.0473
Saya mengutamakan pembayaran kad kredit daripada pembayaran bil-bil lain.	Lelaki	3.161	1.0539
	Perempuan	3.136	1.0695
Saya membayar penuh bil kad kredit setiap bulan.	Lelaki	3.390	1.0784
	Perempuan	3.364	1.0515
Saya menghadkan perbelanjaan kad kredit.	Lelaki	3.822	1.0264
	Perempuan	3.838	.9634

4. Pengurusan Insurans

Jadual 5 menunjukkan tahap pengurusan insurans responden. Responden lelaki mencatatkan skor purata hampir sama dengan responden perempuan pada pernyataan “*Saya mengambil polisi insurans untuk diri dan keluarga*” (3.636; 3.682). Seterusnya responden lelaki juga mencatatkan skor purata hampir sama dengan responden perempuan pada pernyataan “*Saya mengetahui jenis-jenis insurans yang ada di pasaran*” (3.517; 3.581). Berbeza dengan “*Saya memastikan insurans yang diambil adalah sesuai dengan saya*” mencatatkan skor purata responden perempuan lebih tinggi daripada responden lelaki (3.712; 3.6868). Begitu juga pernyataan “*Saya mempertimbangkan bajet yang ada sebelum membeli insurans*” turut menunjukkan skor purata responden perempuan lebih tinggi daripada responden lelaki (3.909; 3.822). Pernyataan terakhir, “*Saya mendapatkan pandangan pelbagai ejen insurans sebelum memilih sesuatu insurans*” juga menunjukkan

skor purata responden perempuan lebih tinggi daripada responden lelaki (3.465; 3.381). Hasil ujian-t adalah tidak signifikan [$t(314) = -0.659, p > 0.05$] menunjukkan pengurusan insurans responden lelaki ($M=3.609, SP=0.804$) adalah tidak berbeza dengan responden perempuan ($M=3.670, SP=0.789$). Menurut Zuroni dan Mohamad Izwanshafiq (2019) wujud hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan dan sikap pengguna terhadap pemilikan pelan insurans. Hal ini turut menunjukkan bahawa faktor gender tidak mempengaruhi perihal pengurusan insurans.

Jadual 5. Pengurusan insurans

Pernyataan	Gender	Purata	Sisihan Piawai
Saya mengambil polisi insurans untuk diri dan keluarga.	Lelaki	3.636	.9578
	Perempuan	3.682	.9897
Saya mengetahui jenis-jenis insurans yang ada di pasaran.	Lelaki	3.517	1.0273
	Perempuan	3.581	.9295
Saya memastikan insurans yang diambil adalah sesuai dengan saya.	Lelaki	3.686	.8838
	Perempuan	3.712	.9468
Saya mempertimbangkan bajet yang ada sebelum membeli insurans.	Lelaki	3.822	.8537
	Perempuan	3.909	.8501
Saya mendapatkan pandangan pelbagai ejen insurans sebelum memilih sesuatu insurans.	Lelaki	3.381	1.0775
	Perempuan	3.465	1.0207

5. Pengurusan Pelaburan

Jadual 6 menunjukkan tahap pengurusan pelaburan responden. Responden lelaki mencatatkan skor purata lebih tinggi daripada responden perempuan pada pernyataan "*Saya mempunyai peruntukan wang untuk tujuan pelaburan*" (3.322; 3.116). Bagi pernyataan "*Saya mempunyai ilmu dalam pengurusan pelaburan*", responden lelaki mencatatkan skor purata hampir sama dengan responden perempuan (3.195; 3.116). Begitu juga dengan pernyataan "*Saya faham akan risiko yang diambil dalam pelaburan*" turut mencatatkan skor purata hampir sama antara responden lelaki dan responden perempuan (3.322; 3.348). Bagi pernyataan "*Saya melabur dalam instrumen pelaburan yang berbeza*" dan "*Saya sering mencari peluang pelaburan baharu*" masing-masing mencatatkan skor purata responden lelaki lebih tinggi daripada responden perempuan dengan masing-masing mencatatkan (3.119; 3.020) dan (3.093; 2.975). Hasil ujian-t adalah tidak signifikan [$t(314) = .945, p > 0.05$] menunjukkan pengurusan pelaburan responden lelaki ($M=3.210, SP=0.902$) adalah tidak berbeza dengan responden perempuan ($M=3.115, SP=0.798$). Dapatan Lim et al. (2013) mendapati individu yang mempunyai pengetahuan kewangan mempunyai persediaan lebih bagi menghadapi hari mendatang melalui pemilikan pelbagai pelan kewangan termasuk pelaburan. Hal ini menyokong bahawa gender tidak mempengaruhi pengurusan pelaburan generasi milenial. Sebaliknya pengetahuan kewangan lebih memainkan peranan dalam mempengaruhi tahap pengurusan pelaburan seseorang individu, termasuk generasi milenial.

Jadual 6. Pengurusan pelaburan

Pernyataan	Gender	Purata	Sisihan Piawai
Saya mempunyai peruntukan wang untuk tujuan pelaburan	Lelaki	3.322	1.0612
	Perempuan	3.116	1.0431
Saya mempunyai ilmu dalam pengurusan pelaburan	Lelaki	3.195	.9361
	Perempuan	3.116	.9021
Saya faham akan risiko yang diambil dalam pelaburan	Lelaki	3.322	1.0117
	Perempuan	3.348	.9531
Saya melabur dalam instrumen pelaburan yang berbeza	Lelaki	3.119	1.0795
	Perempuan	3.020	.9287
Saya sering mencari peluang pelaburan baharu	Lelaki	3.093	1.0210
	Perempuan	2.975	.9259

6. Pengurusan Harta

Jadual 7 menunjukkan tahap pengurusan harta responden. Responden lelaki mencatatkan skor purata lebih tinggi berbanding responden perempuan bagi pernyataan "*Saya mempunyai keinginan untuk menguruskan harta*" (3.703; 3.606). Bagi pernyataan "*Saya tahu bahawa pengurusan harta pusaka adalah penting*" dan

pernyataan “Pengurusan harta pusaka dilaksanakan melalui faraid/wasiat/hibah” mencatatkan skor purata yang hampir sama antara responden lelaki dan perempuan. Bagi pernyataan “Pengurusan harta pusaka memberikan ketenangan fikiran kepada saya” pula mencatatkan skor purata responden lelaki (3.847) lebih tinggi daripada responden perempuan (3.788). Begitu juga dengan pernyataan “Saya mengurus harta saya agar kebajikan waris terjamin”, skor purata responden lelaki (3.915) lebih tinggi daripada responden perempuan (3.823). Hasil ujian-t adalah tidak signifikan [$t(314) = .789, p > 0.05$] menunjukkan pengurusan harta responden lelaki ($M=3.851, SP=0.686$) adalah tidak berbeza dengan responden perempuan ($M=3.789, SP=0.656$). Rusnadewi dan Hisyam (2013) mendapati bahawa pengurusan harta yang baik dan sistematik mampu mengelakkan seseorang daripada berhadapan dengan kesukaran. Maksudnya gender tidak mempunyai kaitan dalam pengurusan harta generasi milenial.

Jadual 7. Pengurusan harta

Pernyataan	Gender	Purata	Sisihan Piawai
Saya mempunyai keinginan untuk menguruskan harta pusaka.	Lelaki	3.703	.8993
	Perempuan	3.606	.8878
Saya tahu bahawa pengurusan harta pusaka adalah penting.	Lelaki	3.898	.7667
	Perempuan	3.864	.8102
Pengurusan harta pusaka dilaksanakan melalui faraid/wasiat/ hibah.	Lelaki	3.890	.7930
	Perempuan	3.864	.7976
Pengurusan harta pusaka memberikan ketenangan fikiran kepada saya.	Lelaki	3.847	.7694
	Perempuan	3.788	.8032
Saya mengurus harta saya agar kebajikan waris terjamin.	Lelaki	3.915	.8225
	Perempuan	3.823	.8334

Kesimpulan

Secara keseluruhan, tahap pengurusan kewangan generasi milenial berada pada tahap yang sederhana dan tinggi. Namun, jika ianya diperhalusi mengikut elemen pengurusan kewangan yang dikaji, tahap pengurusan kewangan yang tinggi hanya dicatatkan pada elemen pengurusan tunai dan pengurusan simpanan. Bermakna, rata-rata generasi milenial mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam menguruskan tunai dan simpanan mereka. Sebaliknya generasi milenial yang dikaji mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang terbatas dalam empat elemen pengurusan kewangan yang lain, khususnya elemen pengurusan pelaburan dan kredit.

Perbandingan pengurusan kewangan antara generasi milenial lelaki dan perempuan dalam perbincangan ini menunjukkan tiada perbezaan ketara antara kedua-dua kumpulan. Secara purata, tahap pengurusan tunai, pengurusan simpanan, pengurusan kredit, pengurusan insurans, pengurusan pelaburan, dan pengurusan harta bagi generasi milenial lelaki dan perempuan adalah hampir sama. Hal ini mencerminkan bahawa faktor jantina tidak menjadi penentu utama dalam tahap kecekapan pengurusan kewangan generasi milenial. Bermaksud, faktor gender tidak mempunyai kaitan dengan tahap pengurusan kewangan generasi milenial. Berkemungkinan tahap pengurusan kewangan adalah berkaitan dengan faktor lain, tetapi tidak diliputi dalam perbincangan ini.

Implikasi daripada kajian ini menyarankan bahawa ilmu berkaitan pengetahuan kewangan dan amalan pengurusan kewangan yang baik perlu diberi perhatian oleh setiap individu tanpa mengira faktor gender. Baik lelaki mahupun perempuan, kedua-duanya perlu mempunyai kemahiran mengurus kewangan masing-masing. Bagi menambah sumbangan ilmu, kajian akan datang perlu mengambilkira faktor-faktor lain dalam membincangkan tahap pengurusan kewangan generasi milenial, seperti pendidikan, umur dan juga sosialisasi kewangan dalam membincangkan tahap pengurusan kewangan individu.

Penghargaan: Penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atas kelulusan geran *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS): FRGS/1/2019/SS08/UKM/02/01 bertajuk Pengurusan Kewangan Generasi Milenial.

Kenyataan Persetujuan Termaklum: Persetujuan termaklum diperolehi daripada semua subjek yang terlibat dalam kajian.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan.

Rujukan

- Abdul Basit, Tamat Samardi & Norlida Hanim. (2014). Hutang dan golongan muda di Malaysia: Satu Kajian Kes. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM ke-9)*, 833-844.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). (2018). *Financial behaviour and state of financial well-being of Malaysian working adults. AKPK Financial Behaviour Survey 2018*. <https://www.akpk.org.my/sites/default/files/AKPK>
- Akauntan Pelaburan Malaysia. (2013). Pelaburan Piawaian Perakaunan Kerajaan. <http://www.anm.gov.my>
- Awien Azuyien Jamri & Suraiya Ishak. (2023). Tekanan kewangan dan pengurusan tekanan kewangan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi berasaskan status sosioekonomi. *e-BANGI: Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(4), 164-178. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2004.14>
- Aydin, A. E., & Akben S. E. (2019). An investigation of financial literacy, money ethics and time preferences among college students. *International Journal of Bank Marketing*, 37(3), 880-890. <http://dx.doi.org/10.1108/IJBM-05-2018-0120>
- Azwadi Ali, Mohd S. A. Rahman, & Alif Bakar. (2013). Financial literacy and satisfaction in Malaysia: A Pilot Study. *International Journal of Trade, Economics and Finance*, 4(5), 319-324. <http://dx.doi.org/10.7763/IJTEF.2013.V4.309>
- Bank Negara Malaysia (BNM). (2016). Financial Capability and Inclusion Demand Side Survey 2015. <https://www.bnm.gov.my/financial-inclusion>
- Berita Harian. (2022). Purata jangka hayat rakyat Malaysia turun kepada 73.4 tahun. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/09/1005804/purata-jangka-hayat-rakyat-malaysia-turun-kepada-734-tahun>
- Blaschke, J. (2022). Gender differences in financial literacy among teenagers - Can confidence bridge the gap? *Cogent Economics & Finance*. 10(1). <https://doi.org/10.1080/23322039.2022.2144328>
- Chowa, G., Ansong, D., & Masa, R. (2010). Assets and child well-being in developing countries: A research review. *Children and Youth Services Review*, 32(11), 1508–1519. <http://dx.doi.org/10.1016/j.childyouth.2010.03.015>
- Delafrooz, N., & Laily, P. (2011). Determinants of saving behavior and financial problem among employees in Malaysia. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 5(7), 222-228. <http://dx.doi.org/10.5897/AJBM10.1267>
- Eza. (2020, Mac 5). Lelaki atau wanita yang lebih bijak dalam kewangan dan pelaburan? <https://www.majalahlabur.com/kewangan/lelaki-atau-wanita-yang-lebih-bijak-dalam-kewangan-dan-pelaburan/>
- Haryani, S., Motwani, B., Matharu, S.K. (2015). Behavioral Intention of Taxpayers towards Online Tax Filing in India: An Empirical Investigation. *Journal of Business and Finance Affair*, 4, 135. <http://dx.doi:10.4172/2167-0234.1000135>
- Lazuardi, C. M. & Puspitawati, H. (2022). Gender's role in financial management and purchasing decisions on the quality of dual-earner family marriage during the covid-19 pandemic. *Journal of Child, Family, and Consumer Studies*, 1(2), 96-107. <https://doi.org/10.29244/jcfcs.1.2.96-107>
- Liebermann, Y., & Flint-Goor, A. (1996). Message strategy by product-class type: A matching model. *International Journal of Research in Marketing*, 13, 237-249. [https://doi.org/10.1016/0167-8116\(96\)00005-5](https://doi.org/10.1016/0167-8116(96)00005-5)
- Lim Thieng Sang, Zatul Karamah Ahmad Baharul Ulum, DG Safrina AG Budin & Rosle Mohidin. (2013). *Hubungkait pengetahuan kewangan dan kesedaran insurans hayat dan takaful keluarga*. OER@UMS. 1-11.
- Masarah Mohamad Yusof, Azlinda Azman, Farhana Kamarul Bahrin & Mahathir Yahaya. (2020). Hubungan konflik kewangan terhadap kesejahteraan sosial mangsa wanita dalam isu keganasan rumah tangga. *Kertas dibentangkan di The 2nd International Conference on Social Work Faculty of Social and Political Sciences*, University of Muhammadiyah Jakarta Jakarta, Indonesia, 29 February – 01 March.

- Mohamad Fazli Sabri, & Teo Tze Juen. (2014). The influence of financial literacy, saving behaviour and financial management on retirement confidence among women working in the Malaysian public sector. *Asian Social Science*, 10(14), 40-51. <http://dx.doi.org/10.5539/ass.v10n14p40>
- Mohamad Fazli Sabri, Nuraini Abdullah, Thinagaran Moga Dass & Othman Che Jusoh. (2018). Tingkah laku pengurusan kewangan, masalah kewangan, kesejahteraan hidup dan program sokongan pengguna di Wilayah Persekutuan Labuan. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 30(6), 103-121. <https://jpmjurnal.com/jpm/article/view/134>
- Nik Mohd Zaim Ab Rahim, Ishak Suliaman, & Munirah Abd Razzak. (2012). Kesempitan hidup penghutang: Analisis ayat 280 surah al-baqarah. *Proceedings The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012*, ISBN 978-967-5534-20-1
- Noor Izyani Hassan Sabri & Khadijah Alavi. (2019). Meneroka literasi perancangan kewangan belia B40 berpandukan pendidikan psikososial. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(1), 1-81. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/207>
- Nur Aisyatul Radiah Alidaniah, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Noor & Mohammed Riski Moi. (2015). Gelagat hutang isi rumah mengikut kaum di Bandar Baru Bangi, Selangor. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11(11), 110-119. <https://www.researchgate.net/publication/309737884>
- Nurul Aini Muhamed. (2020, Mei 8). Gaya hidup kewangan pasca Covid-19. *Bernama*. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1842587>
- Nurulhuda Mohamad Yusof. (2020). *Perancangan kewangan ke arah persaraan dalam kalangan generasi milenium di Jabatan Perkhidmatan Awam, Putrajaya*. [Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Potrich, A. C. G., Vieira, K. M., & Matheis, T. K. (2024). Gender differences in financial literacy between and within generations. *Journal of Financial Conseling and Planning*. <https://doi.org/10.1891/jfcp-2023-0058>
- Rusnadewi Abdul Rashid & Nor Hisyam Ahmad. (2013). Pengurusan harta melalui hibah: Kepentingan dan manfaat dari pelbagai aspek untuk kemajuan ummah. *Jurnal Hadhari*, 5(1), 91-104. <http://www.ukm.my/jhadhari/>
- Saadiah Ismail. (2023, Januari 3). Gaji wanita lebih rendah daripada pekerja lelaki. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2023/01/1047020/gaji-wanita-lebih-rendah-daripada-pekerja-lelaki>
- Tinghög, G., Ahmed, A., Kinga Barrafreem, K., Lind, T., Skagerlund, K., & Västfjäll, D. (2021). Gender differences in financial literacy: The role of stereotype threat. *Journal of Economic Behavior & Organization*, 192, 405-416, <https://doi.org/10.1016/j.jebo.2021.10.015>.
- Wagner, J., & Walstad, W. B. (2023). Gender differences in financial decision-making and behaviors in single and joint households. *The American Economist*, 68(1), 5-23. <https://doi.org/10.1177/05694345221076004>
- Yasmin Huzaimah Aladdin & Anuar Ahmad. (2017). Tahap literasi kewangan di kalangan mahasiswa. *Kertas dibentangkan di International Conference on Global Education V*, Padang, 10-11 April.
- Zaimah Ramli, Noor Amarina Mohd Farid, Sarmila Md Sum & Azima Abdul Manaf. (2020). Strategi pengurusan kewangan mahasiswa berkahwin: Kajian perbandingan Malaysia dan Indonesia. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 17(4), 90-104.
- Zaimah Ramli. (2011). Pengaruh factor pengetahuan, tingkah laku kewangan dan pembuatan keputusan terhadap kesejahteraan kewangan pekerja sektor awam yang berkahwin. [Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia].
- Zaimah Ramli. (2023). *Kesejahteraan Kewangan Pekerja*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuroni Md Jusoh & Mohamad Izwanshafiq Jaafar. (2019). Tahap Pengetahuan dan sikap pengguna terhadap tingkah laku pemilikan pelan insurans. *Jurnal Pengguna*, 31, 81-97.